

LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN ISNIN 20 JANUARI 2020

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	'SUFFICIENT SUPPLY OF FOOD ITEMS FOR CNY', NEWS/NATION, NST -14 BEKALAN MAKANAN BAGI SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA MENCUKUPI, BH -ONLINE SUFFICIENT SUPPLY OF FOOD ITEMS FOR CNY, NST -ONLINE ANAK MUDA DIGALAK CEBURI PERTANIAN, NASIONAL, SH -20	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
5.	NAFAS PERUNTUK RM700,000 BANTU PELAJAR DARIPADA KELUARGA B40, NASIONAL, SH -20	PERTUBUHAN PELDANG KEBANGSAAN (NAFAS)
6.	MAQIS RAMPAS IKAN KERUPU, SAGAI, SINAR NEGERI JOHOR, SH -35	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	KEDAH STARTS CLOUD SEEDING OPERATIONS, NATION, THE STAR -3 WATER LEVELS IN KEDAH DAMS DROP TO 30PC, NEWS/STORY OF THE DAY, NST -12 BERI KESAN TERHADAP SEKTOR PERTANIAN, SINAR NEGERI KEDAH/P.PINANG, SH -33 OPERASI PEMBENIHAN AWAN DI KEDAH DIMULAKAN, SINAR NEGERI KEDAH/P.PINANG, SH -33 KEDAH CATU AIR JIKA KEMARAU BERLARUTAN, NASIONAL, BH -14 TIGA HARI BENIH AWAN, LOKAL, HM -18 KEDAH TUNGGU TARIKH SESUAI PEMBENIHAN AWAN, BH -ONLINE OPERASI PEMBENIHAN AWAN DI KEDAH DAN PULAU PINANG, ASTRO AWANI - ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
15. 16. 17. 18.	GOVT MULLING SOSCO COVERAGE FOR FISHERMEN, NATION, THE STAR -2 CADANGAN WUJUD SKIM LINDUNGI RAKYAT BEKERJA DI SINGAPURA, NASIONAL, BH -15 NELAYAN BAKAL DIDAFTR PERKESO - TIMB MENTERI, MALAYSIA KINI -ONLINE GOVERNMENT TO INTRODUCE NEW INITIATIVES FOR WELFARE OF FSHERMEN, MALAYSIA KINI -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
19.	LOT TANAH PERCUMA UNTUK TANAM SERAI BULUH, HM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
20. 21. 22. 23. 24. 25.	BIOALPHA TO EXPAND HERBAL FARMING, NEWS, THE STAR -2 BIOALPHA SEES HEALTHY GROWTH, BUSINESS, NST -19 TEKNOLOGI MODEN TINGKAT KECEKAPAN PERTANIAN, KOMENTAR, BH -11 SEKTOR PERTANIAN PERLU HALA TUJU BAHARU, MUKA SEPULUH, BH -10 UBAH CARA PERTANIAN JIKA MAHU TINGKAT PENDAPATAN, ASTRO AWANI -ONLINE PAS GALAK AHLI SERTA SEKTOR PERTANIAN, HAKAKAH DAILY -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2020	NST	NEWS/NATION	14

ESSENTIALS

'SUFFICIENT SUPPLY OF FOOD ITEMS FOR CNY'

We want to ensure prices of food are stable, says Salahuddin

PUTRAJAYA

THE government has given its assurance that there is sufficient supply of essential food items in the market for the Chinese New Year celebration this week.

Agriculture and Agro-based Industry Minister, Datuk Seri Salahuddin Ayub said his ministry was working with the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry on this matter.



Datuk Seri Salahuddin Ayub

"At the same time, we want to ensure that prices of food items are stable," he said after the launch of the Antibiotic Fun Run 2020 at the Malaysia Serdang

Agricultural Expo Park near here yesterday.

Salahuddin said the Veterinary Services Department would intensify its monitoring following the ban on the use of colistin antibiotics on livestock.

"The move is to ensure that the livestock, which is our primary source of food, is safe."

He said imprudent use of colistin antibiotics in the long run could have adverse effects on human health.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, meanwhile, said excessive use of antibiotics could lead to antimicrobial resistance.

It renders antibiotics ineffective against bacteria that cause infection, making them invincible. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Bekalan makanan bagi sambutan Tahun Baharu Cina mencukupi



PUTRAJAYA: Bekalan makanan di pasaran mencukupi bagi sambutan perayaan Tahun Baharu Cina minggu hadapan, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Beliau berkata, kementeriannya sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam mengawal harga bekalan makanan.

"Apabila bekalan makanan cukup, pemantauan perlu dibuat supaya harga lebih stabil," katanya kepada pemberita selepas perasmian Antibiotic Fun Run 2020 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) dekat sini, hari ini.

Sementara itu, Salahuddin berkata Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan meningkatkan pemantauan ekoran larangan penggunaan antibiotik colistin ke atas haiwan ternakan.

"Langkah ini bertujuan memastikan binatang ternakan yang akan menjadi bekalan makanan manusia adalah selamat," katanya lagi.

Beliau berkata penggunaan antibiotik colistin secara tidak berhemah dalam jangka panjang berisiko memberi impak buruk kepada kesihatan manusia.

Sementara itu, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata penggunaan antibiotik yang berleluasa boleh menyebabkan berlaku kerintangan antibiotik atau 'antimicrobial resistance' (AMR). Ia menyebabkan antibiotik yang digunakan tidak lagi berkesan terhadap bakteria yang menyebabkan jangkitan penyakit dan wujud bakteria kebal. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2020	NST	ONLINE	

Sufficient supply of food items for CNY



Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub at the Antibiotic Fun Run 2020 today. - NSTP/ROSDAN WAHID
By Bernama - January 19, 2020 @ 6:15pm

PUTRAJAYA: The government has assured there is sufficient supply of essential food items in the market for the Chinese New Year celebrations next week.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said his ministry was working with the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) on this matter.

"At the same time, we want to ensure that prices of food items are stable," he told reporters after the launch of Antibiotic Fun Run 2020 at the Malaysia Serdang Agricultural Expo Park (MAEPS) near, here, today.

Salahuddin said the Veterinary Services Department would increase its monitoring following the ban on the use of colistin antibiotics on livestock.

"The move is to ensure the livestock, which is our primary source of food, is safe," he said.

Salahuddin said imprudent use of colistin antibiotics in the long run could have serious adverse effects on human health.

Meanwhile, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said excessive use of antibiotics could lead to antimicrobial resistance (AMR). It renders antibiotics ineffective against bacteria that cause infection, making them invincible. -- Bernama

Anak muda digalak ceburi pertanian

MOA buka ruang dan peluang kepada agropreneur muda yang mencari pekerjaan serta pendapatan

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

BAYAN LEPAS

Orang ramai terutama golongan muda yang masih mencari pekerjaan disarankan menceburi bidang pertanian kerana ia mampu memberikan pendapatan yang tinggi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Sim Tze Tzin berkata, kementerian sentiasa membuka ruang dan peluang kepada orang ramai untuk terlibat dalam bidang pertanian.

Menurutnya, permintaan produk pertanian dari Malaysia oleh negara luar amat tinggi dan ia adalah peluang kepada rakyat terutama agropreneur muda untuk menceburi diri dalam sektor pertanian.

"MOA sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan. Kita menerima bajet



Tze Tzin (kanan) pada Program Taktimat Peluang Usahawan Pertanian oleh MOA di Kompleks Tabung Haji, Bayan Lepas kelmarin.

sebanyak RM4.9 bilion untuk tahun ini berbanding sebanyak RM4.4 bilion pada 2018 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 10.9 peratus.

"Ia jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan yang bukan sahaja mendengar keluh-kesah golongan petani tetapi juga menyediakan peluang yang terbuka luas dalam sektor pertanian," katanya ketika berucap pada Program Taktimat Peluang Usahawan Pertanian oleh MOA di Kompleks Tabung

Haji di sini kelmarin.

Beliau berkata, Malaysia mengimport produk pertanian dari luar sebanyak RM50 bilion setahun untuk pasaran dan keperluan negara seperti produk daging, tenusu, sayur-sayuran serta buah-buahan, sedangkan keperluan itu boleh dijana dalam negara.

"Inilah ruang dan peluang yang boleh direbut oleh masyarakat terutama agropreneur muda yang mencari pekerjaan dan pendapatan," katanya.

Sementara itu, Tze Tzin berkata, pasaran eksport pertanian seperti nanas MD2 dan durian musang king adalah antara produk pertanian yang mendapat permintaan tinggi di China.

"Negara China memerlukan sebanyak 1.6 juta tan metrik nanas tetapi sehingga 2019, Malaysia hanya mampu mengeksport sebanyak 800 tan metrik nanas.

"Kita juga mula menghantar nanas menggunakan pesawat kargo pada November 2019. Sebelum ini kita mengeksport nanas menggunakan kapal laut.

"Ini menunjukkan permintaan negara luar terhadap produk pertanian kita begitu tinggi yang memerlukan proses penghantaran dibuat dengan segera. Jadi, inilah masanya rakyat kita perlu merebut peluang ini dengan melibatkan diri dalam sektor pertanian," katanya.

Beliau berkata, MOA juga sedang memberi tumpuan kepada program bantuan Rezeki Tani bagi membantu golongan miskin keluar daripada kepompong kemiskinan dengan cara melibatkan diri dalam bidang pertanian dan industri asas tani.

"Inilah antara usaha yang sedang dilakukan oleh kerajaan bagi membantu rakyat mendapat kehidupan yang lebih baik," katanya.

Nafas peruntuk RM700,000 bantu pelajar daripada keluarga B40

BAYAN BARU - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) membelanjakan sebanyak RM700,000 pada tahun lalu untuk program khidmat sosial masyarakat (CSR) melibatkan pemberian sumbangan kepada golongan yang memerlukan.

Pengarah Pembangunan Peladang Nafas, Abu Sujak Sahuji berkata, jumlah itu melibatkan pemberian sumbangan di seluruh negara termasuk di Kedah, Melaka, Kelantan, Johor dan Pulau Pinang.

Menurutnya, sumbangan menerusi program *Back To School* berbentuk baucar itu bertujuan membantu golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) untuk membeli kelengkapan sekolah.

"Kita telah pergi ke seluruh negara untuk menyalurkan sumbangan ini kepada pelajar daripada keluarga B40. Hari ini (semalam) seramai 250 pelajar di Parlimen Bayan Baru menerima sumbangan tersebut.

"Setiap pelajar menerima baucar bernilai RM200 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM50,000 menerusi program *Back To School*.

"Diharap sumbangan yang diberi-

kan dapat meringankan beban golongan B40 untuk membeli kelengkapan sekolah anak-anak," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas penyerahan sumbangan di Dewan Persatuan Penduduk Bayan Baru di sini semalam yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Sim Tze Tzin.

Pada majlis yang sama, seramai 150 penerima yang terdiri daripada warga emas dan golongan kurang upaya menerima sumbangan baucar bernilai RM100 sempena Tahun Baru Cina daripada Pejabat Ahli Parlimen Bayan Baru dan Pejabat ADUN Pantai Jerejak.

Dalam perkembangan lain, Tze Tzin memberi jaminan bekalan makanan berasaskan pertanian dan barangan kawalan mencukupi sehingga sambutan Tahun Baru Cina tahun ini.

Menurutnya, kementerian telah menghentikan semua eksport untuk barangan kawalan sejak seminggu lalu bagi memastikan pasaran tempatan tidak mengalami kekurangan bekalan.

"Pengguna tidak perlu gusar, namun jika ada peniaga yang sewenang-



Abu Sujak (kanan) mengiringi Tze Tzin (dua dari kanan) menyerahkan baucar bernilai RM200 kepada pelajar pada program *Back To School* di Dewan Persatuan Penduduk Bayan Baru semalam.

wangnya menaikkan harga barang kawalan seperti ayam, daging, bawal putih, sayur-sayuran atau barang mentah yang lain, saya mohon agar mereka buat laporan supaya tindakan tegas dapat diambil.

"MOA turut bekerjasama dengan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi memastikan harga barangan kawalan tidak melambung tinggi dan dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab," kata Tze Tzin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI JOHOR	35

Maqis rampas ikan kerapu, sagai

JOHOR BAHRU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas ikan kerapu dan sagai tanpa permit eksport ke Singapura di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di sini Jumaat lalu.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A Rahman berkata, hasil pemeriksaan pegawainya pada jam 6.30 petang itu mendapati terdapat 575 kilogram (kg) ikan kerapu dan 70kg ikan sagai disorokkan pada bahagian tengah lori yang dianggarkan bernilai RM32,140.

“Kesemua barang dagangan itu dirampas dan akan disiasat di bawah Seksyen 11(2), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta sama.

“Jika sabit kesalahan,

boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Nur Afifah berkata, tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa di semua pintu masuk negara.



Lori yang membawa ikan kerapu dan sagai tanpa permit eksport berjaya ditahan Maqis Johor.

Kedah starts cloud seeding operations

By R. SEKARAN
rsekaran@thestar.com.my

ALOR SETAR: Cloud seeding operations have started in Kedah to ease farmers stricken with drought.

The Muda Agriculture Development Authority (Mada) and the Malaysian Meteorological Department did cloud seeding operations over Muda Dam and its surrounding areas at 12.30pm yesterday.

Mada said in a statement that the operations had been scheduled until tomorrow depending on the cloud conditions.

Capacities at the Muda Dam, Pedu Dam and Ahning Dam yesterday were 14.42%, 45.59% and 61.57% respectively.

On Saturday, Kedah Menteri Besar Datuk Seri Mukhriz Mahathir said cloud seeding operations would take place after water levels at two dams reached the critical level.

The Pedu Dam and Muda Dam showed that water levels were dropping and there were concerns that the prolonged drought could affect supply to consumers.

Penang earlier announced its first water alert after its two main dams on the island recorded significantly lower levels than normal due to low rainfall last year.

The capacities of the Air Itam Dam and Teluk Bahang Dam on Tuesday were at 62% and 39.5% respectively.



Not always greener: Grass turning yellow in the heat at Saint George's Church in George Town, Penang.

PBAPP chief executive officer Datuk Jaseni Maidinsa said they were doing their best to ensure that the state had enough water until April when rain was expected.

The Meteorological Department said cloud seeding operations were carried out in six areas in Kedah and Penang, successfully resulting in rain in all targets – the Muda, Pedua and Teluk Bahang Dams – as well as padi fields in Kuala Nerang and Kampung Perupok, with the exception of Ahning Dam.

Penang Fire and Rescue Department director Saadon Moktar said the department was on high alert

for peat and bushfires.

“We know many places could be a potential fire hazard, especially open spaces with grass that has turned brown due to the heat.

“The public should stop open burning or throwing cigarette butts in such areas.

“Controlled burning for religious rituals is still allowed although it's imperative for people to inform the department on large-scale burning for such purposes as we need to be there on standby,” he said.

The Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) also urged its members to reduce water usage

during this dry period.

“The usual practice for factories is to have reserve water by harvesting rainwater, but it is not possible now,” said FMM northern chapter chairman Datuk Dr Ooi Eng Hock.

A check with the Meteorological Department showed Penang, Johor Baru, Kuala Lumpur, Melaka, Langkawi, Pasir Gudang and Shah Alam were the hottest areas at 33°C.

Only Kuala Kangsar was declared by MetMalaysia to be at Level 1 (yellow) – a warning for heatwaves with a maximum temperature between 35°C degrees and 37°C for three days in a row.

DRY SPELL

WATER LEVELS IN KEDAH DAMS DROP TO 30PC

State government carrying out cloud seeding at water catchment areas

M. HIFZUDDIN IKHSAN
AND HAMZAH OSMAN
LANGKAWI
news@nst.com.my

pected this year in January instead of next month.

He said tube wells were constructed in the state last year and they could be used to channel water to the people.

"We will also construct new tube wells to ensure adequate water supply."

"If the drought worsens, we may have to implement water rationing. This is unavoidable but we hope that it doesn't worsen," he said during a visit to the Pantai Tengah Water Treatment Plant here yesterday.

The dry spell has led to the water level in three dams in the state dropping significantly.

Kedah Menteri Besar Datuk Seri Mukhriz Mahathir said: "It has been almost two months without rain and almost every

part of the state is facing a water shortage.

"It will affect food supply, not only the rice fields but also marine catch as sea temperatures rise and cause an insufficient fish supply," he said after attending a gathering with civil servants and the State Secretary Office's "Meet the Clients' Day" at Dataran Medan Bandar in Alor Star.

Mukhriz said water levels at the Ahning Dam, Muda Dam and Perdu Dam had dropped to 30 per cent, adding that the situation was being monitored.

"Dam volume levels differ. Some are low and some are high but we will monitor them daily. We have to release water to rivers for domestic use."

The Muda Agricultural Development Authority (Mada) carried



The dry spell in Kedah arrived earlier than expected this year in January instead of next month. PIC BY SHARUL HAFIZ ZAM

out a cloud-seeding operation with the cooperation of the Meteorological Department yesterday.

Mada general manager Datuk Fouzi Ali said the operation was expected to continue until Tuesday, subject to the right cloud and moisture conditions.

"The operation is zeroing in on water catchment areas of the dams and the Muda area."

"If successful, the ensuing rainfall is expected to increase the

water levels in the dams and help irrigate padi fields.

"As such, Mada would like to urge farmers in the Muda area and the people of Kedah and Perlis to pray for the operation's success."

Page 1 pic: A contractor hired by the Meteorological Department installing a hygroscopic flare on his aircraft before carrying out cloud-seeding operations in Alor Star yesterday.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI KEDAH / P.PINANG	33

Beri kesan terhadap sektor pertanian

Masalah air beri kesan buruk kepada jaminan bekalan makanan

Oleh ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Beberapa kawasan serikitar negeri ini sudah mengalami kesan daripada masalah bekalan air yang berlaku akibat cuaca panas.

Menteri Besar Kedah, Damik Seri Mukhriz Mahathir berkata, masalah itu turut memberi kesan buruk kepada jaminan bekalan makanan terutama sektor pertanian.

"Bukan sahaja padi, perikanan juga terjejas kerana suhu air laut meningkat menyebabkan bekalan ikan tidak cukup," katanya.

Beliau berkata demikian selepas perhimpunan penjawat awam Kedah dan perasmian Hari Bertemu Pelanggan di Da-



Mukhriz (dri) ketika melawat ruang pameran agensi kerajaan yang mengambil bahagian pada Hari Bertemu Pelanggan di Dataran Medan Bandar semalam.

taran Medan Bandar di sini semalam.

Menurutnya, paras air di empangan utama negeri iaitu Empangan Ahning, Empangan Muda dan Empangan Pedu juga menyusut hampir 30 peratus namun pihaknya sentiasa memantau keadaan paras air setiap hari.

"Jumlah air di semua empangan berbeza, ada yang ren-

dah dan ada tinggi tetapi kita pantau setiap hari.

"Setakat ini, air empangan masih mampu dilepaskan bagi tujuan domestik dan pertanian," katanya.

Beliau berkata, pemberian awan sangat diperlukan berikutnya sudah lebih dua bulan Kedah berdepan musim kemarau dan tidak menerima hujan.

"Semalam (kemarin) nampak sudah ada awan sedikit, hari ini (semalam) langit memburu pula. Jadi kita sentiasa dapatkan maklumat daripada Jabatan Meteorologi untuk tahu bila masa paling sesuai untuk lakukan proses ini kerana kita sangat perlukan hujan," katanya.

Mukhriz berkata, negeri itu kini mengalami pemanasan glo-

bal yang sebelum ini melanda dunia.

"Sekarang kita merasai sendiri kesannya. Oleh itu, kita perlu bersama menjaga alam sekitar bagi mengurangkan masalah pemanasan global ini termasuk pendekatan yang diambil kerajaan negeri dengan menghentikan aktiviti pembalakan di kawasan Ulu Muda," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI KEDAH / P.PINANG	33

• Operasi pembenihan awan di Kedah dimulakan ✓

ALOR SETAR - Lembaga Kema-
juan Pertanian Muda (MADA) de-
ngan kerjasama Jabatan Meteorolo-
gi melaksanakan operasi
pembenihan awan di Kawasan Muda
pada jam 12.30 tengah hari semalam.

Pengurus Besarnya, Datuk Fouzi
Ali berkata, operasi terbabit dijang-
ka dapat diteruskan sehingga Selasa
ini namun bergantung kepada kese-
ediaan awan dan kelembapan yang
sesuai.

“Operasi ini menyasarkan kawa-
san tadahan empangan serta dataran
Kawasan Muda. Jika berjaya, turun-
an hujan dijangka dapat meningkat-

kan paras takungan empangan dan
membantu pengairan di kawasan
sawah padi,” katanya dalam kenya-
taan media semalam.

Fouzi juga berharap semua pela-
dang di Kawasan Muda dan rakyat
negeri Kedah dan Perlis mendoakan
operasi berkenaan berhasil.

“Walaupun cuaca mendung di
kebanyakan tempat semalam (kelma-
rin), tiada hujan direkodkan di kawa-
san Muda,” katanya.

Menurutnya, setakat jam 8 pagi
semalam kedudukan takungan paras
air di tiga empangan utama menu-
run.

Pihak
kontraktor
sedang
memasang
*Hygroscopic
flare* pada
pesawat untuk
tujuan
pembenihan
awan di
Kawasan
Muda,
semalam.



FOUZI

Kedah catu air jika kemarau berlarutan

Kerajaan negeri buat pembenihan awan tingkat paras takungan empangan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan,
Hamzah Osman
dan Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Kedah mungkin terpaksa membuat catuan air untuk pengguna sekiranya kemarau di negeri ini berlarutan dan menjadi semakin buruk.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar, berkata musim kemarau melanda Kedah lebih awal tahun ini, iaitu Januari berbanding kebiasaannya pada Februari.

Bagaimanapun, katanya, ada banyak telaga tiub digali di seluruh Kedah sejak tahun lalu yang boleh diguna untuk membekalkan air kepada penduduk.

"Kita akan membuka semua telaga tiub berkenaan, selain menggali telaga baharu bagi memastikan bekalan air mencukupi.

"Jika musim kemarau bertambah buruk, kita mungkin terpaksa melakukan catuan air.

"Situasi ini tidak dapat dielakkan. Namun, kita berharap keadaan tidak akan menjadi semakin serius," katanya pada majlis lawatan di Loji Rawatan Kumbahan Pantai Tengah, di sini, semalam.

Musim kemarau menyebabkan bekalan air di tiga empangan ne-



Kontraktor yang dilantik MADA dan JMM memasang hygroscopic flare pada pesawat sebelum melaksanakan operasi pembenihan awan Kawasan Muda, di Alor Setar, semalam. (Fotolhsan MADA)

geri ini semakin menyusut dengan kerajaan negeri melaksanakan ikhtiar antaranya melakukan pembenihan awan bagi mendapatkan hujan.

Sementara itu di Alor Setar, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) melaksanakan Operasi Pembenihan Awan Kawasan Muda pada jam 12.30 tengah hari, semalam.

Pengurus Besar MADA, Datuk Fouzi Ali, berkata operasi berkenaan dijangka dapat dilaksanakan selama tiga hari hingga

Selasa ini bergantung kepada keadaan awan dan kelembapan yang sesuai.

"Operasi ini menyasarkan kawasan tadahan empangan serta dataran Kawasan Muda.

"Sekiranya operasi ini berjaya, hujan dijangka dapat meningkatkan paras takungan empangan dan membantu pengairan di kawasan sawah.

"Justeru, pihak MADA memohon supaya semua peladang di Kawasan Muda dan rakyat negeri Kedah serta Perlis dapat mendukung kejayaan operasi ini," katanya dalam satu kenyataan, di

sini, semalam.

Fouzi berkata, walaupun cuaca mendung di kebanyakan tempat kelmarin, tiada hujan direkodkan di Kawasan Muda.

Setakat jam 8 pagi semalam, kedudukan takungan paras air di tiga empangan utama menurun.

"Empangan Pedu mencatatkan paras 45.59 peratus, Empangan Muda 14.42 peratus dan Empangan Ahning 61.57 peratus.

"Pelepasan air daripada empangan hari ini (semalam) adalah sebanyak 127.5 meter padu sesaat untuk tujuan pengairan padi dan kegunaan domestik," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2020	HARIAN METRO	LOKAL	18

KONTRAKTOR yang dilantik Jabatan Meteorologi Malaysia memasang Hygroscopic flare pada pesawat sebelum diterbangkan bagi tujuan operasi pembenihan awan di kawasan Mada.



Tiga hari benih awan

Mada sasar kawasan tadahan empangan, dataran Kawasan Muda

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) melaksanakan Operasi Pembenihan Awan Kawasan Muda di sini, semalam.

Pengurus Besar Mada, Datuk Fouzi Ali berkata, ope-

rasi dilakukan jam 12.30 tengah hari.

Katanya, ia dijangka dilaksanakan tiga hari hingga Selasa ini bergantung kepada kesediaan awan dan kelembapan yang sesuai.

"Operasi ini menyasarkan kawasan tadahan empangan serta dataran Kawasan Muda.

"Sekiranya operasi ini berjaya, hujan dijangka meningkatkan paras takungan empangan dan membantu pengairan di kawasan sa-

wah padi.

"Justeru, Mada memohon semua peladang di Kawasan Muda dan rakyat Kedah serta Perlis mendoakan kejayaan operasi ini," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Fouzi berkata, walaupun cuaca mendung di kebanyakan tempat kelmarin, namun tiada hujan direkodkan di Kawasan Muda.

Katanya, hingga jam 8 pagi semalam, kedudukan takungan paras air di tiga em-



Mada memohon semua peladang di Kawasan Muda dan rakyat Kedah serta Perlis mendoakan kejayaan operasi ini"

Fouzi Ali

pangan utama mencatatkan penurunan.

"Empangan Pedu mencatatkan paras 45.59 peratus, Empangan Muda 14.42 peratus dan Empangan Ahning 61.57 peratus," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Kedah tunggu tarikh sesuai pembenihan awan



ALOR SETAR: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) masih menunggu maklumat daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) berhubung tarikh sesuai untuk melakukan pembenihan awan.

Pengerusi MADA, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata proses itu sangat diperlukan berikutan sudah lebih dua bulan Kedah tidak menerima hujan.

"Semalam nampak sudah ada sedikit awan, tetapi hari ini langit masih biru, jadi tidak sesuai untuk melakukan pembenihan awan... apapun kita masih tunggu maklumat daripada MetMalaysia bila hari yang sesuai.

"Kita memang sangat memerlukan hujan kerana banyak kawasan sudah mengalami masalah bekalan air, sebab itu kita anjurkan solat sunat Istiqa," katanya selepas menyampaikan amanat Perhimpunan Penjawat Awam dan Hari Bertemu Pelanggan SUK Kedah di Dataran Medan Bandar di sini, hari ini.

Mukhriz yang juga Menteri Besar, berkata musim kemarau yang dialami kini turut memberi kesan kepada jaminan bekalan makanan seperti padi.

Katanya, selain itu, industri perikanan turut terjejas berikutan suhu panas di laut.

"Kita sedang mengalami pemanasan global, terumbu karang mati akibat peningkatan suhu laut, seterusnya menjejaskan bekalan ikan kerana semuanya bersangkut paut.

"Ini bermakna, kita perlu bersama-sama menjaga alam sekitar bagi mengurangkan masalah pemanasan global ini termasuk pendekatan yang sudah diambil kerajaan negeri iaitu menghentikan aktiviti pembalakan di kawasan Ulu Muda," katanya.

Pada masa sama, Mukhriz berkata, pihaknya sentiasa memantau paras air di tiga empangan di Kedah dan setakat ini ia masih mampu dilepaskan bagi tujuan domestik dan pertanian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

Operasi pembenihan awan di Kedah dan Pulau Pinang



MetMalaysia melancarkan operasi pembenihan awan (OPA) bagi mengatasi masalah bekalan air yang terjejas di sekitar kawasan takungan air. - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) hari ini melancarkan operasi pembenihan awan (OPA) bagi mengatasi masalah bekalan air yang terjejas di sekitar kawasan takungan air di empangan-empangan untuk kegunaan domestik dan pertanian, di negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia.

Ketua Pengarah MetMalaysia Jailan Simon berkata operasi itu dilakukan di enam kawasan sasaran di Kedah serta Pulau Pinang dan berjaya menghasilkan hujan di hampir kesemua kawasan tumpuan, iaitu Empangan Muda, Pedu dan Teluk Bahang serta kawasan sawah padi di Kuala Nerang dan Kampung Perupok, kecuali sekitar kawasan Empangan Ahning, Kedah.

"Tujuan utama OPA kali ini ialah untuk meningkatkan turunan hujan di kawasan-kawasan tadahan empangan di negeri Kedah dan Pulau Pinang.

"Ini berikutan negara kini berada pada fasa kedua Monsun Timur Laut hingga hujung bulan Mac mengakibatkan taburan hujan rendah di beberapa tempat di negeri utara Semenanjung seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan utara Perak sehingga menjejaskan takungan air di empangan untuk kegunaan domestik serta pertanian," katanya dalam kenyataan di sini hari ini. Katanya MetMalaysia sentiasa memantau keadaan atmosfera khususnya di kawasan tadahan empangan di Kedah dan Pulau Pinang bagi menentukan OPA untuk beberapa hari akan datang.

Sepanjang musim panas dan kering ini juga, orang ramai dinasihatkan supaya menjimatkan penggunaan air, berhati-hati ketika melakukan aktiviti luar, tidak melakukan pembakaran terbuka dan minum air secukupnya.

Mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai amaran cuaca boleh layari laman web, aplikasi myCuaca dan media sosial MetMalaysia.

Govt mulling Socso coverage for fishermen

PORT DICKSON: The government is planning to protect the welfare of fishermen in the country by having them registered with the Social Security Organisation (Socso).

Deputy Minister of Agriculture and Agro-based Industry Sim Tze Tzin, however, said a detailed study would have to be conducted before this could be implemented.

"We are working on the details and its implementation will be announced by Minister, Datuk Salahuddin Ayub, and this will certainly be good news to the fishermen," he told reporters at the Negri Sembilan Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) Clients' Day here yesterday.

Also present was Port Dickson MP Datuk Seri Anwar Ibrahim who also launched a project to upgrade Kampung Telok Fishermen's infrastructure facility in Teluk Kemang with an allocation of RM200,000.

Meanwhile, Sim said to help fishermen increase their income, they were advised not to rely solely on the sea but to also source for income on land.

"We want fishermen to move forward and not be overwhelmed by the problems of poverty. We also do not want them to just rely on government subsidies. We want them to succeed by generating revenue through marine or aquaculture products.

"As such, I urge LKIM and the area fishermen's association to develop these downstream projects including mussel and lobster farms as currently lobster farming has great potential in the market," he said. — Bernama.

Cadangan wujud skimindungi rakyat bekerja di Singapura

Johor Bahru: Kementerian Sumber Manusia bercadang memperkenalkan skim perlindungan keselamatan sosial kepada kira-kira 300,000 rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura.

Menteri, M Kulasegaran, berkata ketika ini, pihaknya menunggu dapatan Kajian Melindungi Pekerja Malaysia yang Berkerja di Singapura yang dilaksanakan oleh Kementerian dan dijangka diumumkan pada April atau Mei depan.

"Kajian itu bertujuan mendapatkan pro dan kontra, kebajikan serta risiko yang mereka hadapi. Selepas itu, kita akan tengok apa yang boleh dilakukan, termasuk memperkenalkan skim perlindungan keselamatan sosial bersejuaian untuk mereka," katanya selepas majlis Sambutan Tahun Baharu Cina PERKESO Pering-

kat Kebangsaan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Amir Omar dan Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Terdahulu, Kulasegaran turut menyampaikan sumbangan wang raya dan hamper kepada 14 anak yatim serta 13 ibu tunggal, selain Faedah Hilang Upaya Kekal kepada sembilan penerima.

Mengulas lanjut, beliau berkata, ada kira-kira sejuta rakyat Malaysia bekerja di luar negara terutama Singapura dan Arab Saudi.

"Kementerian turut melakukan kajian berhubung sebab rakyat Malaysia bekerja di Singapura. Kita dapat, gaji lumayan ialah faktor utama rakyat Ma-

laysia bekerja di republik itu," katanya.

Dalam pada itu, setakat kelmarin, 45,923 orang bekerja sendiri (OBS) termasuk dalam sektor pengangkutan penumpang, mendaftar dan mencarum dengan PERKESO selepas 18 hari skim itu diperluaskan kepada 19 sektor baharu.

"Hanya OBS sektor perhutanan masih belum mendaftar dan mencarum dengan PERKESO," katanya.

Sementara itu di Port Dickson, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, berkata kerajaan akan mendaftar nelayan dengan PERKESO bagi membela nasib mereka.

Kementerian itu sedang memperhalusi inisiatif berkenaan dan tarikh pelaksanaan akan men-

teri, Datuk Seri Salahuddin Ayub tidak lama lagi.

"Ini menunjukkan kerajaan serius dalam menangani isu dihadapi nelayan," katanya pada Majlis Interaksi Pemimpin Bersama Masyarakat Nelayan dan Hari Bertemu Pelanggan Peringkat LKIM Negeri Sembilan, di Teluk Kemang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang turut merasmikan projek naik taraf jeti Pangkalan Nelayan Kampung Telok di sini.

Mengulas mengenai projek itu, Tze Tzin berkata, kementeriananya memperuntukkan RM200,000 untuk menaik taraf yang dilaporkan sudah usang itu pada tahun lalu selepas menerima aduan daripada nelayan negeri ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2020	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Nelayan bakal didaftar Perkeso - Timb Menteri



katanya.

Kerajaan bakal memperkenalkan inisiatif baru dengan mendaftarkan nelayan di negara ini di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi membela kebajikan golongan itu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Sim Tze Tzin berkata bagaimanapun, perkara itu sedang diperincikan sebelum dapat dilaksanakan.

"Kita sedang buat perincian dan maklumat lanjut serta pelaksanaannya akan diumumkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub... yang pasti ini bakal jadi berita baik buat nelayan,"

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Interaksi Pemimpin Bersama Masyarakat Nelayan dan Hari Bertemu Pelanggan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Sembilan di Port Dickson, hari ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Port Dickson Anwar Ibrahim yang turut merasmikan projek menaik taraf kemudahan infrastruktur Pangkalan Nelayan Kampung Telok di Teluk Kemang dengan peruntukan sebanyak RM200,000.

Dalam pada itu, Sim berkata bagi meningkatkan pendapatan golongan nelayan, mereka disaran untuk menjana pendapatan bukan sahaja di laut tetapi juga di daratan.

"Kita mahu nelayan terus maju ke depan dan tidak lagi terbelenggu dengan masalah kemiskinan dan hanya bergantung kepada subsidi daripada kerajaan, tetapi kalau mahu berjaya nelayan kena juga jana pendapatan dari darat sebagai contoh menghasilkan produk daripada hasil laut atau akuakultur.

"Saya mohon LKIM dan Persatuan Nelayan Kawasan bangunkan projek-projek hiliran ini termasuk ternakan udang kara yang ketika ini mempunyai potensi besar di pasaran," katanya.

Mengenai Pangkalan Nelayan Kampung Telok, Sim berkata pihaknya telah menerima aduan daripada nelayan mengenai keadaan pangkalan itu yang telah uzur.

"Meskipun peruntukan ini tidaklah begitu besar tetapi ia memberi makna yang besar kepada nelayan, kita tetap perjuangkan nasib mereka," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2020	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Government to introduce new initiatives for welfare of fishermen



The government will introduce new initiatives to protect the welfare of fishermen in the country by having them registered with the Social Security Organisation (Socso).

Deputy Minister of Agriculture and Agro-based Industry Sim Tze Tzin, however, said a detailed study would have to be conducted before this could be implemented.

"We are working on the details and its implementation will be announced by Minister Salahuddin Ayub... and this will certainly be good news to the fishermen," he told reporters at the Negeri Sembilan Fisheries Development Authority of Malaysia Clients' Day in Port Dickson today.

Also present was Port Dickson MP Anwar Ibrahim who also officiated a project to upgrade Kampung Telok Fishermen's infrastructure facility in Teluk Kemang with an allocation of RM200,000.

Meanwhile, Sim said to help fishermen increase their income, they were advised not to rely solely on the sea but to also source for income on land.

"We want fishermen to move forward and not be overwhelmed by the problems of poverty or just depending on government subsidies. We want them to succeed by generating revenue through marine or aquaculture produces.

"As such, I urge Fisheries Development Authority and the Area Fishermen's Association to develop these downstream projects including mussel and lobster farms as currently, lobster farming has great potential in the market," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

Lot tanah percuma untuk tanam serai buluh



LEMBAGA Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bersedia memberi lot tanah di tali air secara percuma kepada orang ramai untuk penanaman serai buluh yang boleh dijadikan straw. Pengerusinya, Senator Datuk Husam Musa berkata, serai buluh boleh dibiakkan kerana menyedari tanaman itu tidak banyak diusahakan di Kelantan.

Katanya, KADA bukan saja bersedia menawarkan lot tanah yang masih kosong kepada mereka yang berminat mengusahakan tanaman serai buluh malah sedia membantu dari segi keperluan mesin bajak, baja dan teknik tanaman.

"Jika diikutkan di Malaysia terdapat pelbagai jenis serai tetapi serai buluh adalah yang paling sesuai untuk dijadikan straw kerana fizikalnya yang lebih bulat, panjang dan memiliki saiz sesuai

sebagai penyedut minuman.

"Banyak manfaat yang diperolehi hasil tanaman serai ini yang mana kulit luar dijadikan straw manakala bahagian dalam boleh menghasilkan produk lain seperti abstrak serai dan minyak serai selain ia boleh mengubati banyak penyakit.

"Penanaman serai ini bukan saja diusahakan oleh KADA malah sesiapa saja boleh menanamnya di seluruh negara. Namun idea ini memerlukan usaha secara intergrasi dan komprehensif," katanya dalam sidang media selepas melawat tapak Projek Tanaman Mangga Harum Manis di Kampung Paloh Tendong, Pasir Mas, semalam.

Husam turut menyatakan sokongan KADA untuk mengembangkan lagi tanaman mangga secara komersial termasuk Harum Manis di Kelantan.

Katanya, setiap penerokaan idea baru termasuk menjadikan serai buluh sebagai penyedut minuman perlulah dipandang positif malah setiap idea yang dilontarkan sudah dikaji dan diselidik sepenuhnya.

"Idea penggunaan serai buluh menggantikan straw diperkenalkan kerana menyedari tidak ada komplikasi atau kesan sampingan melainkan kepada mereka yang mungkin alergic pada serai.

"Alhamdulillah, koperasi Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) bersetuju mengedarkan straw serai buluh dalam hospital terbabit," katanya.

Bioalpha to expand herbal farming

Company holding talks with state governments to open herbal parks.

By ZAZALI MUSA

starbiz@thestar.com.my

KOTA TINGGI: Bioalpha Holdings Bhd, an integrated health supplement company, plans to further strengthen its agriculture business by expanding the company's herbal farming in Malaysia.

Managing director William Hon said the company is in preliminary discussion with two state governments to open herbal parks.

"However, there is no time frame yet when we will start herbal farming activities there," he told reporters during a media visit to the company's Desaru herbal park here.

Hon said it would leave it to both state governments on the size of the state-owned land they are willing to lease to the company to be cultivated with herbal plants.

"Ideally, the land size should not be less than 40.46ha for economies of scale," he said, adding that bigger land

would contribute to better output.

Hon said presently, he believes the company operates the largest herbal parks in the country with a combined acreage of 527.30ha in Desaru Kota Tinggi, Johor and Pasir Raja, Terengganu.

Desaru herbal park spans across 121.40ha where over 40.46ha have been developed and fully planted with various types of crops with planting activities under way at the remaining 80.93ha.

The company's Pasir Raja herbal park spread over 405.9ha with 105.21ha already fully-planted while the balance of 301.08ha are being developed.

"As of now, we have over 20 types of plants and are still adding more crops as we move forward and our aim is to be fully self-sufficient for herbal-based raw materials that are of good quality," he said.

Among the herbs and spices planted at Desaru and Pasir Raja are Tongkat Ali, Kacip Fatimah, misai kucing, roselle, lemongrass, ginger, black pepper and

soursop.

Hon said the company's target was to have a combined 2,000 tonnes of harvest by end-2020 from both herbal parks including selling its herbs to external third parties to provide income stream for the company.

He said the company spend between 10% and 15% of group revenue on research and development activities per year, coming out with over 30 formulations annually.

Hon added that it had also invested some RM15mil in its botanical drugs project. Pre-clinical trials have successfully been completed, and they are currently in the midst of getting the necessary approvals to conduct clinical trials on human. He hopes to complete the clinical trials of the products within a few years from now.

"We remain positive on the prospects that our agricultural division present as we continue to make progress at our herbal parks," he said.



Medicinal value: Hon (left) looking at misai kucing herbs at the Desaru herbal park in Kota Tinggi.

SUPPLEMENT PRODUCTS MAKER

BIOALPHA SEES HEALTHY GROWTH

It targets 2,000 tonnes of harvest from Pasir Raja and Desaru herbal parks by year end

JOHN GILBERT
DESARU
john.gilbert@nst.com.my

BIOALPHA Holdings Bhd expects demand for its herbal supplement products to improve this year with a pick-up in exports and external third-parties sales.

Bioalpha said with increasing awareness among Malaysians and prevalence of lifestyle diseases, traditional medicines was becoming more popular, adding that it was on the right footing to capitalise on the demand with its range of products.

The company also expects up-stream planting activities at its two herbal parks, here, and in

Pasir Raja, Terengganu, to show better harvest yield and output quality.

This would lead to substantial increase in earnings for its financial years 2020 and beyond, it said.

Managing director William Hon said Bioalpha was positive on domestic growth this year as many Malaysians were more aware of the health benefits of herbal products.

"We are positive on the agricultural division's prospects. As an integrated nutraceutical player involved in farming activities, a constant supply of herbal-based raw materials is crucial to ensure quality and safety of the active compounds that go into our products," said Hon during a visit to its plant, here, last week.

Bioalpha's herbal park here spans 121.4ha, with more than 40.46ha having been developed and fully planted with various types of crops. Planting activities are underway for the remaining 80.94ha.

The company's Pasir Raja Herbal Park has a total area of

405.9ha, with 105.22ha fully planted. Numerous species of crops are planted at the herbal parks, including indigenous herbs such as *Tongkat Ali*, *Misal Kucing*, *Kacip Fatimah*, *Hempedu Bumi*, *Roselle* and *Dukung Anak*.

"As of now, we have more than 20 types of plants and plan to add more as we move forward. Our aim is to be fully self-sufficient for herbal-based raw materials that are of good quality.

"Our target is to have a combined 2,000 tonnes of harvest from our herbal parks in Desaru and Pasir Raja by year end. As our harvest volume increases, we also sell our herbs to external third parties, hence, adding another

income stream," said Hon.

He holds a 16.5 per cent stake in the company, with Malaysian Technology Development Corp and Perbadanan Nasional Bhd holding 16.1 and 10.8 per cent stakes, respectively.

Both herbal parks are accredited with the Malaysian Good Agriculture Practices certification issued by the Agriculture and Agro-based Industry Ministry.

Bioalpha serves three key markets — Malaysia, Indonesia and China — and uses 80 per cent of its manufacturing turnover for research and development.

It was listed Bursa Malaysia's ACE Market in 2015 and held a five per cent market share as of

2018. Bioalpha is in the process of transferring its listing status to the Main Market.

Its China revenue for the nine months of last year had doubled to RM10.4 million year-on-year after it secured a maiden order from Jinrul Yandatang Co Ltd, which was involved in traditional Chinese medicine.

On average, the processed herbs could generate revenue of RM2 to RM5 per kilogramme, said CGS-CIMB Securities.

He said Bioalpha planned to open six Constant Pharmacy outlets this year on top of the existing 20 in the Klang Valley.

The company is also working with retailers such as Village Grocer to carry its herbal products.



Bioalpha Holdings Bhd's herbal parks are accredited with the Malaysian Good Agriculture Practices certification issued by the Agriculture and Agro-based Industry Ministry.

Teknologi moden tingkat kecekapan pertanian

Dari Muka SEPULUH

Sawah atau kebun kecil dianggap liabiliti. Namun dengan teknologi, ia boleh meningkatkan hasil tanah, buruh dan rantaian bekalan yang singkat dan pasaran yang luas. Tidak seperti estet yang meratakan landskap dan memusnahkan kepelbagaian bio, kebun kecil memelihara ekologi lantau memberi khidmat persekitaran kepada masyarakat.

Begitu juga, buruh datang dan buruh pergi dalam estet lantau tiada kesinambungan ilmu perladangan. Namun bagi kebun kecil, ilmu penanaman disalurkan daripada satu generasi kepada generasi seterusnya.

Obsesi ke atas model estet sangat mendalam di Malaysia. Wahai tidak semua tanaman sesuai seperti kelapa sawit kerana masing-masing berbeza dari segi amalan, ciri tanaman, impak iklim dan sebagainya.

Kegagalan projek estet betik diusahakan syarikat berkaitan kerajaan membuktikan hujah ini. Maksudnya, bukan faktor saiz menentukan kejayaan, tetapi penguasaan penyakit tanaman.

Dalam kata ringkas, Malaysia memerlukan dasar khusus untuk menjana teknologi yang banyak dan pelbagai untuk pekebun kecil bagi meningkatkan kecekapan dan *output*.

Kilang pemprosesan kecil adalah laluan yang membolehkan petani menceburi perniagaan nilai tambah yang meningkatkan pendapatan dan ia perlu dicipta dengan banyak serta meluas.

Institusi petani seperti koperasi dan pertubuhan peladang perlu diremajakan supaya berautonomi seperti model Taiwan yang diciptakan pada 1970-an. Kini pertubuhan peladang dipacu pegawai kerajaan dan lantikan politik. Sepatutnya ia ditadbirkan petani untuk petani.

Hanya dengan memperkasakan pertubuhan dan koperasi ini, kita akan melahirkan petani yang bebas, berdaya saing dan maju sebagaimana di Taiwan dan negara lain.

Pada masa sama, agensi pertanian perlu kembali kepada matlamat asal iaitu memperkasa dan membangunkan petani, bukannya mengkayakan subsidiari masing-masing.

Jika masih perlu, subsidiari perlu dipacu petani untuk petani dengan model koperasi dan bukan oleh pegawai kerajaan atau orang politik. Rejuvenasi ini membabitkan perkara seperti latihan dan pendidikan, pengembangan teknikal dan perniagaan, pembangunan koperasi dan keusahawanan, penglibatan petani dalam perniagaan (termasuk input).

Kembali kepada matlamat asal agensi akan mengurangkan penyelewengan, budaya *rent-seeking* dan subsidi daripada kerajaan.



Teknologi moden membantu meningkatkan kualiti dan hasil pertanian. (Foto Hiasan)

Sektor pertanian perlu hala tuju baharu

**Dari
Kaca
Mata**

**Prof Dr Fatimah
Mohamed Arshad**

*Felo Penyelidik Institut Kajian
Dasar Pertanian dan Makanan
Universiti Putra Malaysia dan
Anggota Majlis Penasihat
Pertanian Negara*

Dekad 2020 menjelma, mampukah pertanian menjelajahi era baharu? Mungkin tidak, selagi hala tuju baharu tidak dilakarkan. Ini tugas berat, namun jawapan perlu dicari.

Pertanian disaluti pelbagai isu. Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) menyenaraikan isu ini merangkumi perubahan. Antaranya iklim, dinamik populasi, sumber asli, produktiviti, teknologi gangguan (*disruptive technology*), penyakit dan serangga, jaminan bekalan makanan yang tidak mencukupi, perubahan struktur, migrasi sistem makanan, tadbir urus dan kewangan.

Untuk merangkumkan semua dengan ringkas, bukan mudah. Namun kita boleh menjurus kepada isu struktur yang ketara dan usang yang menuntut perubahan.

Kita akui kejayaan dalam industri kelapa sawit dan getah mencetus industri pembuatan bertaraf dunia yang berasaskan dua komoditi ini. Namun, sejarah pertanian kita menampilkan beberapa simptom membimbangkan.

Pertama, campuran komoditi yang bertumpu kepada kelapa sawit yang kini menggunakan 75 peratus daripada tanah pertanian pada 2016. Syer tanaman makanan menurun daripada 30 peratus pada 1960 kepada hanya 10 peratus.

Selain itu, tanaman industri menunjukkan tiga pola gelagat. Kelapa sawit (pertumbuhan eksponen), getah (kian mengecil) dan koko (menghampiri kepupusan). Cuma kelapa sawit dapat bertahan, itupun akan mencapai tahap siling seluas 6.5 juta hektar menjelang 2023.

Lebih 90 peratus penanaman ke-

lapa sawit dan getah adalah tanaman tunggal, baik estet mahupun kebun kecil. Lantas terdedah kepada risiko harga merudum dan bahana ekologi terutama penyakit.

Pendek kata, pertanian kita memberi tumpuan besar kepada kelapa sawit sebagai tanaman tunggal walaupun kerajaan menggalakkan kepelbagaian.

Kedua, sektor kelapa sawit menyedut dengan besar sumber, lantas melemahkan sektor makanan. Sumber ini termasuk tanah, buruh, modal dan sokongan institusi, terutama kajian dan pembangunan (R&D). Bukti sektor makanan terjejas adalah defisit perdagangan yang kian membesar iaitu RM18 bilion pada 2018 dan tahap sara diri (SSL) yang rendah ke atas makanan utama (bijirin, ikan, keluaran tenusu, daging, buah-buahan dan sayur-sayuran dan makanan ternakan).

Ketiga, produktiviti pertanian masih rendah terutama komoditi makanan berbanding negara jiran. Keempat, pergantungan besar yang berterusan ke atas tenaga buruh asing sehingga maelembapkan inovasi tempatan.

Akhir sekali, institusi pertanian masih pada takruk lama terbukti oleh kelembapan gerakan koperasi pertanian, pertubuhan peladang yang masih dipacu pegawai kerajaan dan lantikan politik.

Juga isu tadbir urus yang menakutkan seperti rasuah serta gelagat *rent-seeking* (terma ekonomi merujuk perbuatan mengaut untung tanpa sebarang produktiviti) dalam agensi berkaitan.

Dana projek untuk kesejahteraan petani diragut, lantas meninggalkan petani dalam penjara kemiskinan dan peluang terbatas untuk bergerak mendatar atau menegak dalam perusahaan mereka. Masalah struktur ini jika diperbaiki, mampu menjana perubahan besar. Paradigma baharu dicadangkan seperti berikut.

Negara perlu mengutamakan pembangunan sektor makanan. Yakni makanan didahulukan. Ia membawa kelebihan seperti jaminan nutrisi yang lebih baik, memperkasakan kepelbagaian bio tempatan, komuniti desa yang dinamik, landskap hijau, pemuliharaan sumber asli kerana pe-

tani menjaga alam sekitar mereka.

Dari segi ekonomi, faedahnya jelas mengurangkan aliran keluar wang asing, meningkatkan taraf hidup golongan B40, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), terutama makanan dan minuman.

Ramai berpandangan Malaysia tidak berdaya saling berbanding (kelebihan perbezaan dan persaingan) dalam makanan. Namun, mereka lupa kedua-duanya bina manusia. Jika tidak, apakah hujah pembangunan bagaimana negara kecil seperti Belanda, Denmark dan Israel yang bertanah gersang menjadi pengeksport keluaran pertanian terbesar dunia.

Negara ini tidak memiliki kekayaan sumber seperti Malaysia, tetapi kemajuan teknologi mengasah daya saling mereka. Penyelesaian tiga-serampang ke arah pembangunan sektor makanan adalah komitmen jitu politik, R&D, inovasi dan pengembangan.

Ketiga-tiga penyelesaian ini harus saling menggenapi dengan padat kerana kejayaan kita dalam bab ini masih jauh tertinggal.

Mengikut FAO, oleh kerana tanah dan air kian berkurangan, maka 80 peratus pertambahan pengeluaran perlu datang daripada peningkatan hasil dan hanya 20 peratus daripada perluasan tanah.

Aplikasi teknologi mampu menyelesaikan masalah produktiviti, buruh asing dan keperluan kepelbagaian pertanian.

Hampir semua komoditi pertanian diusahakan pekebun kecil iaitu lebih 90 peratus, kecuali kelapa sawit di mana hampir separuh diusahakan estet. Namun, dasar pertanian kita tidak mengambil kira keperluan teknologi pekebun kecil.

Sebagai contoh, Malaysia gagal menjanakan inovasi ladang seperti mesin tuai untuk sawah kecil, mesin dan peralatan, kilang proses kecil, aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan *Internet of Things* (IoT), tanaman alternatif untuk kepelbagaian.

Dan yang paling menyerlah, tiada agenda pembangunan input (seperti baja dan makanan ternakan) menggunakan bio massa tempatan untuk mengurangkan kos pengeluaran.

Lihat Muka 11

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

Ubah cara pertanian jika mahu tingkat pendapatan

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan penduduk luar bandar perlu mengubah cara meningkatkan pendapatan dan menerima kaedah baharu dalam bidang pertanian moden. Menurut Dr Mahathir, masyarakat luar bandar kekal miskin kerana mereka masih menggunakan cara lama dalam kegiatan ekonomi harian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

PAS galak ahli sertai sektor pertanian



BUKIT GANTANG: PAS menggalakkan ahli-ahlinya menyertai pelbagai bidang dalam sektor pertanian kerana ia merupakan sumber pendapatan yang stabil dan mampu meningkatkan ekonomi keluarga.

Pertumbuhan penduduk semakin meningkat telah membuka peluang luas dalam menyediakan sumber makanan dengan harga berpatutan sesuai dengan perkembangan ekonomi negara dan global yang tidak menentu.

Saranan tersebut dikemukakan Naib Ketua Muslimat PAS Negeri Perak, Husna Saidon dalam program Kempen Ternak Ayam Kampung bertempat di Markaz Tarbiyah PAS Kawasan Bukit Gantang, Kampung Bukit Chempedak, dekat sini kelmarin dahulu.

"Bidang pertanian adalah pekerjaan para Nabi dan Rasul dahulu dan mereka terlibat dalam pelbagai sektor seperti penternakan, perladangan, perikanan dan sebagainya.

"Sebagai permulaan, penternakan ayam kampung boleh dilakukan secara sambilan di rumah kita khususnya mereka yang tinggal di kampung-kampung seperti mana yang biasa dilakukan oleh ibu bapa kita.

"Kita perlu mengambil peluang yang terbuka luas waktu ini di mana produk keluaran Muslim mendapat sambutan hangat dan saya yakin permintaan ke atas ayam kampung turut mendapat permintaan tinggi termasuk daripada bukan-Muslim," katanya.



Sementara itu penceramah jemputan, Dr Faiz Muhamad Khair yang merupakan Pegawai Veterinar di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Taiping telah memberikan penerangan yang terperinci cara mengurus ternakan ayam kampung dengan betul dan sistematik. Selain itu, beliau turut berkongsi mengenai jenis serta sumber ayam kampung yang terbaik, lokasi yang sesuai untuk menternak, sistem pemeliharaan, kaedah pembiakan dan penjagaan kesihatan ternakan.

Seramai 53 peserta dari seluruh negeri telah mengambil bahagian dalam program yang julung kali dianjurkan oleh Lajnah Asas Tani dan Alam Sekitar (LATAS) Muslimat PAS Perak ini